

# **PNB**

**KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk Siaran Segera**  
**26 Januari 2024**

## **PNB MENGUMUMKAN PELETAKAN JAWATAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN**

**KUALA LUMPUR, 26 Januari, 2024:** Lembaga Pengarah Permodalan Nasional Berhad (PNB) ingin memaklumkan peletakan jawatan Ahmad Zulqarnain Onn sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan berkuatkuasa 16 Februari 2024. Setelah lebih daripada tiga tahun bersama PNB, Ahmad Zulqarnain Onn akan menyandang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Sepanjang perkhidmatan sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, beliau memainkan peranan penting dalam memajukan mandat PNB, mencatat pencapaian penting perniagaan dan dalam memupuk inovasi. Beliau amat berdedikasi dalam mengukuhkan kepercayaan negara terhadap PNB dan memperbaharui matlamat menyeluruh organisasi: Untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi.

Pengerusi Kumpulan PNB, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda melahirkan penghargaan kepada Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan yang akan meninggalkan PNB dengan menyatakan, "Bagi pihak Lembaga Pengarah, pengurusan dan kakitangan di PNB, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Zulqarnain atas sumbangannya yang tidak ternilai kepada PNB, ASNB dan Kumpulan syarikat PNB sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di sini. Kepimpinan beliau telah memainkan peranan penting dalam menyusun pelan strategik tiga tahun yang baharu dan mengemudi PNB ke arah meningkatkan pulangan portfolio, ketangkasan operasi, memperkuuh keupayaan organisasi untuk menjadi progresif dan bertindak balas secara berkesan kepada cabaran yang dinamik. Kami mendoakan yang terbaik untuk beliau dalam peranan baharunya."

Pengumuman Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan baharu untuk PNB akan dibuat dalam masa terdekat.

**- Tamat -**

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan harta tanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepadakekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**